

19/08/2003

Malaysia sedia dedah `rahsia' kepada Syria

Mior Kamarul Shahid

DAMSYIK: Malaysia sedia mendedahkan segala rahsia dan pengalaman memajukan negara kepada Syria bagi membantu negara itu membangunkan ekonominya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sanggup `membuka buku' untuk memberitahu sebarang perkara bagi dicontohi Syria termasuk strategi, dasar, undang-undang, sistem dan amalan yang sesuai dengan keperluannya.

Beliau berkata, seperti juga Syria, Malaysia pada awalnya tidak mempunyai kepakaran teknologi dan modal kemahiran pengurusan serta tidak memahami pasaran dunia.

Kerana itu, Malaysia membuat keputusan mempelawa pelabur asing dengan matlamat utama untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat.

"Dalam proses itu, kami mempelajari teknologi dan kemahiran mereka memasarkan barangan," katanya pada sidang akhbar bersama dengan rakan sejawatannya, Mustapha Mero, di sini petang semalam.

Dr Mahathir berkata, walaupun Syria belum memiliki teknologi, jika negara ini sedia menjalankan usaha sama dan membenarkan kemasukan pelabur asing, ia boleh belajar dan mendapatkan teknologi meskipun terpaksa memberi 100 peratus pemilikan kepada pelabur asing, sebagaimana pernah dilakukan Malaysia.

Hari ini, katanya, syarikat Malaysia boleh mengeluarkan apa saja yang sebelum ini terpaksa memerlukan kepakaran pelaburan asing.

Terdahulu, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Presiden Republik Arab Syria, Dr Bashar Al-Assad dan kemudian dengan Mustapha diikuti perwakilan kedua-dua negara.

Dalam perbincangan dengan Presiden Dr Bashar, mereka menyentuh pelbagai isu rantau dan antarabangsa termasuk pelan damai Palestin.

Dr Mahathir berkata pelan damai yang dirangka sekarang tidak lengkap kerana ia hanya akan mengasingkan Palestin, tanpa mengambil kira negara di sekelilingnya.

Mengenai sikap Malaysia terhadap permintaan Amerika Syarikat (AS) supaya Arab dan Israel menghantar tenteranya ke Iraq untuk mengawal keamanan, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak ada kena mengena dengan apa yang berlaku di Iraq sekiranya ia bukan daya usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kami benar-benar kecewa dengan keadaan di dunia sebelah sini dan percaya punca kepada masalah ini ialah pewujudan sebuah negara Israel," tegasnya.

Beliau berpendapat sebagai langkah untuk mencapai keamanan di rantau ini, Israel perlu keluar keseluruhannya dari sempadan dan membenarkan rakyat Palestin yang disingkir dari Israel dan menjadi pelarian di negara, kembali ke tempat asal mereka.

Selepas itu, tidak sepatutnya ada lagi serangan dilakukan sama ada daripada tentera Arab atau Israel.

Ditanya sama ada kerajaan AS ada membuat permohonan ekstradisi ke atas Noralwisah Lee, isteri Hambali, 39 (nama sebenarnya Riduan Isamuddin), pemimpin Jemaah Islamiah (JI) yang ditangkap di Thailand kerana terbabit dalam perancangan melakukan pengeboman di Indonesia, Dr Mahathir berkata setakat ini belum ada permohonan seumpama itu.

Katanya, Malaysia akan menguruskan isu berkenaan jika ada permohonan daripada AS.